

UMS anjur Program Sarapan 1Malaysia

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan ‘Program 1 Malaysia Peringkat IPTA dan IPTS zon Sabah’ bermula 14-16 Oktober 2010.

Pelbagai acara akan mengisi program yang berlangsung selama 3 hari itu. Antara yang menarik adalah ‘Sarapan 1 Malaysia’ yang akan diadakan pada 16 Oktober bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, di Dataran Dewan Canselor UMS.

‘Sarapan 1 Malaysia’ itu akan dikendalikan oleh Independent Collective Event Management (I.C.E.M.). iaitu satu pengurusan acara yang ditubuhkan oleh pelajar-pelajar tahun ke-3 Pengurusan Perhotelan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS. Semua pelajar yang melibatkan diri sendiri dalam ‘Sarapan 1 Malaysia’ akan menjadi pemegang saham I.C.E.M. Sdn. Bhd. Pemegang-pemegang saham I.C.E.M Sdn. Bhd. akan menjalankan ‘Sarapan 1 Malaysia’ di bawah kepimpinan penasihat I.C.E.M Sdn. Bhd., Encik Kamisan @ Arif Pusiran. Katanya, ‘Sarapan 1 Maaysia’ mengalu-alukan penglibatan daripada awam, pelajar-pelajar dan pelancong-pelancong yang ingin merasai semangat 1 Malaysia di Sabah.

Pengarah I.C.E.M. Sdn. Bhd., Yong Ee En berkata, ‘Sarapan 1 Malaysia’ akan dijalankan dengan menggabungkan tiga unsur, iaitu pertandingan memasak Nasi Lemak dan Ambuyat 1 Malaysia..

“Nasi Lemak satu hidangan yang dapat mewakili makanan sarapan masyarakat Malaysia. Manakala Ambuyat akan mewakili kebudayaan hidangan masyarakat Sabah,” tambah Yong lagi.

Katanya lagi, sebanyak RM2.00 akan dikenakan bagi setiap tiket untuk menyertai ‘Sarapan 1 Malaysia’.

“Peserta-peserta boleh menukarkan satu set Nasi Lemak dan Teh Tarik semasa program itu dijalankan. Setiap sen yang dikumpulkan daripada jualan tiket Sarapan 1 Malaysia akan diberikan kepada Pusat Bukit Harapan,” ujarnya lagi .

Bukit Harapan ialah satu pusat amal yang memberikan perlindungan kepada anak-anak yatim, wanita-wanita dan orang-orang kurang upaya yang tidak diterima oleh keluarga-keluarga mereka. I.C.E.M Sdn. Bhd. ingin menyumbangkan kepada masyarakat dengan menjalankan tanggungjawab sebagai sebahagian daripada rakyat yang mempunyai jiwa 1 Malaysia.

Sehubungan itu, I.C.E.M Sdn. Bhd. juga mengalu-alukan orang ramai yang berminat untuk menyertai pertandingan memasak Nasi Lemak dan Ambuyat. Hadiah wang tunai termasuk beberapa hadiah lain yang lumayan akan menjadi milik para peserta yang menang. Mereka yang berminat, boleh menghubungi Pengarah Jabatan Pendaftaran I.C.E.M Sdn. Bhd., Nurul Hamidah di talian 0199246700.